

06 JUL 2002

Mahathir-Asean/I

ASEAN PERLU MUDAHKAN PERDAGANGAN DAN TINJAU MEKANISME BARU

Oleh: Zulkefli Salleh

BANGKOK, 6 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Asean perlu memberi lebih banyak perhatian kepada usaha memudahkan urusan perdagangan dalam meningkatkan daya saingnya.

Perdana Menteri berkata sementara peliberalan perdagangan telah ditangani dengan secukupnya, Asean perlu mengkaji aspek pelepasan kastam, menstandardkan produk, pengharmonian peraturan dan syarat-syarat serta ketelusan dalam prosedur dan kelulusan yang boleh menyebabkan kos yang besar kepada perniagaan-perniagaan

"Masyarakat perniagaan seringkali terpaksa menghadapi halangan-halangan prosedur dan kawal selia ini yang hampir mensia-siakan apa-apa inisiatif untuk meliberalkan tarif," kata beliau semasa berucap di majlis makan tengah hari bagi masyarakat perniagaan Thailand dan Malaysia di sini.

Terdapat keperluan bagi Asean untuk meluaskan dan mendalamkan kerjasama dalam bidang-bidang ini semasa ia melangkah ke arah mewujudkan pasaran yang lebih besar dengan menjalin peraturan perkongsian ekonomi yang lebih akrab bersama negara-negara lain.

"Kita perlu mewujudkan persekitaran yang perlu supaya perniagaan-perniagaan kita mempunyai daya saing yang tinggi," kata Dr Mahathir yang berada dalam rangka lawatan rasmi dua hari ke Thailand.

Dr Mahathir berkata proses integrasi dalam Asean berada dalam laluan yang betul tetapi integrasi sepenuh perkumpulan itu masih belum tercapai.

Beliau juga menekankan yang anggota-anggota Asean harus meninjau kaedah-kaedah serta mekanisme baru untuk berdagang bagi memperkukuhkan daya tahan mereka dan dalam mengurangkan masalah yang timbul selepas krisis kewangan 1997.

Beliau memberi contoh peraturan akaun perdagangan yang sedang diusahakan oleh Thailand dan Malaysia sebagai satu contoh mekanisme baru itu.

Dr Mahathir juga memberi jaminan kepada ahli-ahli perniagaan Thailand yang bimbang sistem itu akan menggantikan sistem lazim dalam perdagangan.

"Saya memberi jaminan kepada anda yang peraturan akaun perdagangan ini ialah mekanisme tambahan yang boleh digunakan oleh masyarakat perniagaan untuk mengambil kesempatan daripada kelebihan dalam berdagang menggunakan mata wang masing-masing," katanya.

Dr Mahathir berkata lebih 85 peratus daripada pendapatan eksport Thailand pada 2001 ialah dalam dolar Amerika Syarikat dan pendapatan eksport dalam baht hanya mewakili 4.0 peratus. Dan pada masa yang sama, lebih 78 peratus bayaran import adalah dalam dolar Amerika.

"Mengapa tidak kita gunakan matawang sendiri dan simpan dolar itu bagi kegunaan dalam perdagangan dengan negara-negara lain. Dengan cara itu kekurangan matawang tidak akan mengurangkan kadar matawang antara kita," katanya.

Malaysia telah memeterai peraturan akaun perdagangan bersama lebih 30 negara dan ia telah membantunya mengembangkan perdagangan, khususnya dengan negara-negara yang menghadapi masalah kadar pertukaran.

Perdagangan dengan beberapa negara meningkat empat kali ganda, katanya.

Semasa menjawab soalan semasa sesi soal jawab, bagaimana Asean dapat memperkukuhkan dirinya untuk mencegah krisis kewangan 1997 daripada berulang, Dr Mahathir berkata: "Kita perlu mengurangkan pergantungan kepada dolar Amerika. Peraturan akaun perdagangan mungkin satu daripada caranya."

Perdana Menteri berkata, Asean juga harus mengelakkan implikasi seperti

yang berlaku dalam industri keluli yang menyebabkan kerugian bagi setiap negara Asean.

Asean sebaliknya harus bekerjasama dan mengandungkan kelebihan daya saing masing-masing untuk menjadikan rantau itu lebih berdaya saing.

Dr Mahathir yang selepas itu mengadakan perbincangan dua hala bersama rakan sejawatannya Thaksin Shinawatra juga berkata Malaysia memberi penekanan besar dalam memperkukuhkan hubungan dua hala bersama Thailand.

"Semalam, saya mengadakan perbincangan penuh bermakna bersama yang terhormat Dr Thaksin mengenai pelbagai bidang kerjasama yang kedua-dua negara boleh usahakan," kata beliau merujuk kepada pertemuan tidak rasmi dengan Perdana Menteri Thailand itu di Chiang Mai.

Dr Mahathir menyatakan keyakinannya bahawa tahap perdagangan antara kedua-dua negara perlu dipertingkatkan lagi dengan signifikan dalam beberapa tahun lagi.

Beliau mendapati aliran silang pelaburan berkembang dan masyarakat perniagaan sudahpun mula mengambil kesempatan daripada peliberalan dalam perdagangan dan perkhidmatan dalam konteks inisiatif kerjasama Asean.

Malaysia merupakan rakan dagang kelima terbesar bagi Thailand dan negara jiran itu pula merupakan rakan dagang keenam terbesar bagi Malaysia. Perdagangan antara kedua-dua negara mewakili lima peratus daripada jumlah dagangan global Thailand, dan empat peratus jumlah dagangan global bagi Malaysia.

Malaysia merupakan pasaran eksport keenam terbesar bagi Thailand dan pembekal keempat terbesar bagi Thailand. Jumlah perdagangan antara kedua-dua negara ialah US\$6.7 bilion pada tahun 2000.

Dr Mahathir berkata bagaimanapun kegawatan ekonomi pada tahun lepas menyebabkan perdagangan antara kedua-dua negara menyusut ke US\$6.2 bilion pada 2001.

Angka-angka pada suku pertama 2002 menunjukkan import dari Malaysia dan eksport Thailand ke Malaysia turut menyusut.

"Ini membimbangkan kami dan usaha yang lebih diperlukan untuk terbalikkan aliran ini," katanya.

"Memandangkan saiz kedua-dua ekonomi itu, sumber dan kepakaran yang ada, saya yakin tahap perdagangan boleh ditingkatkan dengan signifikan dalam beberapa tahun lagi.

"Saya yakin yang tahap pelaburan akan pulih apabila kedua-dua negara melaksanakan beberapa projek besar yang telah dipersetujui dan semasa ekonomi kita pulih daripada krisis dan dalam senario ekonomi global yang semakin baik," kata beliau.

Dr Mahathir mengulangi komitmen Malaysia kepada Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) dan berkata sehingga hari ini negara telah memasukkan 10,039 produk di bawah skim Skim Tarif Keutamaan Sama Rata (CEPT) bagi Afta, mewakili 96.9 peratus daripada jumlah produk bertarif.

"Apa yang Malaysia perlu dalam menangani masalah yang timbul selepas krisis 1997 dan kegawatan ekonomi ialah satu tempoh untuk kemasukan produk kenderaan bermotor keluarannya ke dalam skim CEPT," kata beliau.

Dr Mahathir juga melancarkan Dewan Perniagaan Malaysia-Thai yang dikatakan boleh memainkan peranan sebagai satu lagi medium dalam mempromosi dan menjalin kerjasama yang lebih akrab antara sektor swasta kedua-dua negara.

-- BERNAMA

ZS NM AFY PR